

PM arah perwakilan keluar KL

Oleh Zulkofli Jamaludin dan Munaarfah Abu Bakar

BH - 5 MAY 2000

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta perwakilan yang dipilih ke Perhimpunan Agung Umno minggu depan yang masih berada di ibu negara supaya pulang ke negeri masing-masing.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, Majlis Tertinggi (MT) akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka jika didapati terbabat dalam apa-apa kegiatan yang tidak disenangi, khususnya meminta sesuatu daripada calon.

"Umno akan memerangi politik wang habis-habisan dan kita meminta kerjasama dari-

pada semua ahli MT dan perwakilan memupuk budaya berkhidmat untuk Umno.

"Kita berpendapat perwakilan yang dikenali 'G7' harus balik ke negeri masing-masing dan tidak harus berada di Kuala Lumpur," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

'G7' merujuk kepada tujuh daripada 12 perwakilan yang dipilih oleh setiap bahagian Umno menghadiri perhimpunan agung parti. Lima yang lain iaitu ketua, timbalan dan naib ketua bahagian, ketua pemuda dan ketua wanita, dipilih secara

automatik.

Dr Mahathir berkata, perwakilan yang didapati terbabat dalam apa-apa kegiatan salah laku akan dilucutkan hak menjadi perwakilan pada perhimpunan yang bermula Khamis depan.

Perdana Menteri berkata, beliau dimaklumkan bahawa masih ramai perwakilan berada di hotel-hotel dan mereka dinasihatkan balik dandatang semula ketika perhimpunan.

Ditanya sama ada calon yang bertanding melanggar janji, Dr Mahathir berkata umum menerimanya walaupun ada orang tertentu mengecam orang yang membuat

cadangan supaya tidak ada dibuat pertandingan.

"Ini kerana mereka berpendapat kalau tidak ada pertandingan maka tidak adalah peluang tertentu untuk mereka," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan, persiapan untuk perhimpunan agung lancar dan akan diadakan raptai bagi menjamin kelancaran persidangan.

Beliau berkata, mesyuarat MT membincangkan panjang lebar mengenai isu agama supaya tidak ada keraguan di kalangan ahli MT dan Umno mengenai perjuangan Islam dalam parti.

Katanya, MT turut meluluskan usul ucapan dasar Pre-

siden, agama dan ekonomi, yang akan dibahaskan pada perhimpunan agung nanti.

Mengenai pilihan raya kecil Parlimen Teluk Kemang, beliau berkata Umno akan menyusun jentera untuk memastikan Barisan Nasional (BN) menambah majoriti dalam pilihan raya itu.

Perdana Menteri berkata, mesyuarat MT juga bersetuju menerima semula bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Harun Idris, sebagai ahli Umno.

Bagaimanapun, katanya, Harun yang pernah menjadi pemimpin kanan Parti Semangat 46 perlu memohon menjadi ahli.